



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

STATUS TERKINI KENAIKAN GAJI MINIMUM PEKERJA SWASTA

1. Berdasarkan penelitian terhadap Kajian Semula Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 antara badan tripartite yang terdiri daripada wakil majikan, pekerja dan Kerajaan, KESUMA telah menerima syor PGM yang baharu dan kini di peringkat untuk mendapatkan pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri. Keputusan Kerajaan berkaitan gaji minimum baharu akan dibuat melalui pemberitahuan dalam warta.
2. Proses kajian semula PGM perlu dilaksanakan selaras dengan peruntukan seksyen 25 Akta 732 dimana Majlis hendaklah, sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua tahun, mengkaji semula perintah gaji minimum. Bermula Januari 2023, proses kajian semula yang melibatkan 26 sesi libat urus (SLU) di seluruh negara telah dilaksanakan. SLU ini merupakan sesi perbincangan yang menyeluruh melibatkan pelbagai pemegang taruh terdiri daripada pihak persatuan majikan, kesatuan sekerja, wakil majikan, agensi kerajaan dan perwakilan antarabangsa seperti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Di samping itu, kajian semula ini juga melibatkan pengumpulan data melalui 3,849 kaji selidik bagi mendapatkan pandangan pihak majikan dan pekerja berkenaan pelaksanaan PGM 2022.
3. Salah satu matlamat utama Dasar Gaji Minimum ialah untuk memastikan perlindungan sosial yang mencukupi kepada pekerja-pekerja. Justeru, melalui kajian semula ini, indikator-indikator sosioekonomi yang terkini seperti Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), penengah gaji, kadar pengangguran, pertumbuhan produktiviti buruh dan Indeks Harga Pengguna (IHP) turut diambil kira selaras dengan matlamat menjadi negara berpendapatan tinggi.
4. Memandangkan pampasan pekerja, *compensation of employees* (CE) iaitu pulangan berbentuk gaji dan upah kepada pekerja masih rendah, maka PGM yang baharu dijangka dapat meningkatkan pampasan pekerja tersebut bagi memastikan bahawa setiap lapisan masyarakat Malaysia dapat menikmati hasil pembangunan, yang akan menggalakkan lagi lebih banyak penajaan aktiviti ekonomi. PGM yang baharu juga akan dapat membantu meningkatkan gaji selaras dengan kos sara hidup, seterusnya membolehkan pekerja memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
14 OGOS 2024

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	